

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Bilangan 03 Tahun 2020

PEKELILING ARAHAN PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI STAF DAN PELAJAR UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA YANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN TABLIGH DI MASJID SERI PETALING, KUALA LUMPUR

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini memaklumkan mengenai Arahan Pemeriksaan Kesihatan bagi staf dan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur.

2.0 LATAR BELAKANG

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan mereka yang telah menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur dari 28 Februari hingga 1 Mac 2020 untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran bagi membendung penularan jangkitan COVID-19. Berdasarkan perkembangan terkini oleh KKM, sebanyak 190 kes baharu positif jangkitan COVID-19 dicatatkan setakat 15 Mac 2020.

Justeru itu, Mesyuarat Khas Majlis Eksekutif Universiti pada 16 Mac 2020 telah mengarahkan kawalan pencegahan berkaitan COVID-19 kepada warga UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

Semua warga UiTM sama ada staf atau pelajar adalah tertakluk untuk mematuhi arahan seperti berikut:

- 3.1 **Staf dan pelajar yang telah menghadiri perhimpunan tabligh** berkenaan ataupun **mempunyai kontak rapat** dengan peserta perhimpunan tabligh **DIARAHKAN** untuk memaklumkan dengan segera kepada Pusat Kesihatan melalui e-mel pusatkesihatan@uitm.edu.my atau WhatsApp di talian 019 2726949 manakala warga UiTM Cawangan diminta memaklumkan kepada Unit Kesihatan UiTM Cawangan masing-masing.
- 3.2 **Staf dan pelajar yang mengalami gejala** jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk atau kesukaran bernafas, **DIARAHKAN UNTUK SEGERA** lakukan pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan berhampiran serta menjalani isolasi di kediaman masing-masing selama 14 hari.

3.3 **Semua staf dan pelajar UiTM** digesa untuk memberikan kerjasama dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19 dengan mengikuti nasihat rasmi KKM yang dikeluarkan dari semasa ke semasa sehingga keadaan kembali pulih sepenuhnya.

4.0 **TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling dikeluarkan pada 16 Mac 2020.


5.0 **TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 Mac 2020.

6.0 **PEMAKAIAN**

6.1 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga (staf dan pelajar) Universiti Teknologi MARA dan untuk **edaran dalaman sahaja**.

6.2 Kegagalan staf atau pelajar mematuhi pekeliing ini boleh dikenakan tindakan tatatertib.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM
Naib Canselor

Salinan Kepada:

*Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-UiTM (NC 6/2)
No Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 03*